

**TINDANAN POLIGON  
SISTEM MAKLUMAT TANAH**

Disampaikan kepada Jabatan Ukur Tanah sebagai memenuhi salah satu syarat penerimaan Diploma Lanjutan Ukur Tanah daripada Institut Teknologi MARA.

●leh

**OTHMAN BIN YUNUS**  
DIPLOMA UKUR TANAH (I.T.M.)

JABATAN UKUR TANAH  
KAJIAN KEJURUTERAAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR

NOVEMBER 1990

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya memberi petunjuk dan ilham kepada penulis untuk menyiapkan projek/tesis ini.

Penulis ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka-mereka yang telah bersusah payah membantu penulis bagi menyiapkan projek ini dengan jayanya. Mereka-mereka ini adalah pembimbing projek penulis, iaitu Encik Jasme Bin Jaafar, penolong pembimbing, Encik Mat Akhir Bin Mohd. Wazir, dan juga tidak ketinggalan Encik Wan Mohd. Naim Bin Wan Mohammed, yang telah memberi tunjuk ajar di dalam bahasa Quick Basic, iaitu bahasa yang telah digunakan untuk membuat pengaturcaraan bagi projek ini.

Tidak ketinggalan juga, diucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dan semua kakitangan Jabatan Ukur ITM yang turut memberikan tunjuk ajar dan nasihat serta semangat kepada penulis.

## ABSTRAK

Tindakan poligon merupakan salah satu daripada fungsi yang terdapat dalam Sistem Maklumat Tanah. Dengan maklumat yang diperolehi dari hasil tindakan poligon, berbagai keputusan dan perancangan dapat di buat dengan segera.

Oleh itu, tujuan projek ini ialah untuk membentuk sebuah tindakan keatas poligon dan hasil tindakan tersebut dapat membantu pengguna dalam membuat keputusan di samping bertindak sebagai sistem maklumat.

Perisian yang dibentuk dalam projek ini telah diujilari bagi menguji keberkesanannya di samping berbentuk "user friendly" bagi memudahkan pihak pengguna mengendalikannya.

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>Muka Surat</b>
TAJUK .....	i
PENGHARGAAN .....	ii
ABSTRAK .....	iii
ABSTRACT .....	iv
ISI KANDUNGAN .....	v
SENARAI GAMBAR .....	viii
SENARAI CARTA .....	ix

**BAB SATU : PENGENALAN**

1.1 PENDAHULUAN .....	1
1.2 TAKRIFAN .....	2
1.3 TUJUAN PROJEK .....	2
1.4 MATLAMAT PROJEK .....	6

**BAB DUA : PENGATURCARAAN**

2.1 PENDAHULUAN .....	8
2.2 BAHASA PENGATURCARAAN .....	8
2.3 FAIL DATA .....	9
2.3.1 CARA MEMASUKKAN DATA .....	9
2.4 ATURCARA UTAMA .....	15
2.4.1 POLIGON .....	16

## BAB SATU : PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Kini orang memperkatakan mengenai suatu sistem maklumat tanah berkomputer. Sistem ini memudahkan proses bagi mendapatkan maklumat untuk disampaikan kepada pengguna. Sistem Maklumat Tanah sudah lama dibincangkan untuk tujuan penggunaannya di negara kita. Antara negara-negara yang telah mempraktikkan Sistem Maklumat Tanah adalah Australia, Switzerland, Kanada, Itali, Britain, Amerika, dan beberapa buah negara lagi. Ada di antara negara-negara yang disebut tadi telah pun memulakan Sistem Maklumat Tanah ini sejak akhir tahun 1970an lagi.

Australia misalnya, telah pun memulakan operasi Sistem Maklumat Tanah pada tahun 1979 [ 1 ] Walaupun baru separa operasi, namun Australia telah memasuki era Sistem Maklumat Tanah Berkomputer lebih awal lagi.

Malaysia juga telah mula menunjukkan minat untuk melaksanakan Sistem Maklumat Tanah ini. Banyak seminar telah diadakan. Jabatan Ukur Tanah Johor Bahru [11], dan Jabatan Pertanian [2], telah pun memulakan Sistem Maklumat Tanah di jabatan masing-masing.